



September - Disember
BIL : 3 / 2023
ISSN : 2232-1454



Sila Scan QR CODE
untuk muat turun
Buletin PPANS

BULETIN PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



**MALAYSIA
MADANI**

SAMBUTAN

HARI KEMERDEKAAN KE - 66

PERINGKAT NEGERI SEMBILAN "TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN"



Idea, Konsep Asal & Susunan : Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan

f Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan www.nslibrary.gov.my ppans@ns.gov.my

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN PERSIARAN S2 B2, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7635989 / 06-7621308 Fax : 06-7635944

SEULAS BICARA SEUNTAI KATA

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Salam Malaysia MADANI,
Salam Negeri Sembilan,
Bersih . Muafakat . Sejahtera

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah SWT kerana diberikan kesempatan menulis kata alu-aluan khas untuk Buletin PPANS Bil. 2/2023 ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan Buletin PPANS. Objektif Buletin PPANS ini dikeluarkan adalah bertujuan bagi mendokumenkan semua program dan aktiviti yang dijalankan oleh PPANS sepanjang tahun sekaligus mempromosikan kemudahan dan program PPANS kepada masyarakat.

Menjadi harapan PPANS, semoga keluaran buletin ini dapat mengubah persepsi masyarakat akan kepentingan perpustakaan awam sebagai pusat ilmu pengetahuan yang berguna kepada semua pihak. Perpustakaan pada hari ini bukan sahaja hanya membekalkan buku kepada pengguna, malah peranannya lebih daripada itu. Pelbagai bentuk perkhidmatan dan program yang meliputi setiap peringkat usia dianjurkan oleh perpustakaan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya Negeri Sembilan.

Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.



ISI KANDUNGAN

MS

SIDANG EDITORIAL PPANS	02
LENSA PENGARAH	03
DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN	04
BUKU TERKINI PPANS	05
MAJLIS BAKTI DIJULANG JASA DIKENANG	06
SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-66 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN	07
MALAYSIAN SIGN LANGUAGE CAMP	08
MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS TAHUN 1445H/2023M	09
PERTANDINGAN BOLING PPANS	10
KURSUS KESEDARAN KEBAKARAN PPANS	11
SAMBUTAN HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA (HPBS) DAN HARI KANAK-KANAK SUDUNIA (HKS) PERINGKAT NEGERI SEMBILAN SEMPENA DEKAD BAHASA KEBANGSAAN TAHUN 2023	12
MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI	13
KARNIVAL PUPSANITA DAN ADAT PEPATIH 2023	14
PROGRAM TEAM BUILDING	
PERBADANANPERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN	15
WAGHIH MEMBACA	16-17
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	18-20

PENAUNG

YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

HAJAH JAMILAH @ CHUMILA BINTI HAJI KATIS

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

HAMDAN BIN HAJI NORDIN

Timbalan Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

PENOLONG KETUA PENGARANG

SITI NORSARIZA BINTI MAT RASHID

Ketua Unit Korporat PPANS

GRUP BULETIN PPANS

Unit Korporat , PPANS
Unit Gerakan Membaca N.S
Unit Perolehan
Unit Media
Unit Teknologi & Komunikasi
Bahagian Pelanggan

PENGEDARAN DAN PROMOSI

YUSRIZAL BIN ANI

Unit Korporat PPANS

REKABENTUK & PERCETAKAN

PERCETAKAN CAHAYA MURNI

JURUFOTO

UNIT MEDIA PPANS

3 | LENSEA PENGARAH



26 SEPTEMBER 2023
PERSIDANGAN PERTAMA (KHAS)
PENGKAL PERTAMA,
DEWAN UNDANGAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN YANG KE-15
DI WISMA NEGERI, SEREMBAN



27 SEPTEMBER – 2 OKTOBER 2023
LAWATAN PENANDA ARAS
KE PERPUSTAKAAN SERTA JELAJAH
KEILMUAN PERBANDINGAN ADAT
PERPATIH DAN MINANG
KABAU DI SUMATERA BARAT



9 OKTOBER 2023
PERSIDANGAN KEDUA PENGKAL
PERTAMA, DEWAN UNDANGAN
NEGERI, NEGERI SEMBILAN
YANG KE-15 DI WISMA
NEGERI, SEREMBAN



18 OKTOBER 2023
MUSLIMAH NEGERI SEMBILAN
BERSELAWAT DI MASJID
SRI SENDAYAN, SEREMBAN



19 OKTOBER 2023
PERTANDINGAN BOLING
ANJURAN KESUKA PPANS
DI AMPANG BOWL,
SEREMBAN PARADE, SEREMBAN



23-24 OKTOBER 2023
KURSUS KESEDARAN AWAM 2023
BERSAMA JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT MALAYSIA,
NEGERI SEMBILAN



27 OKTOBER 2023
MAJLIS AMANAT DAN
PENYAMPAIAN WATIKAH
PELANTIKAN JAWATANKUASA
PEMBANGUNAN DAN
KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK)
NEGERI SEMBILAN PENGKAL
2023-2025 DI ROYAL
CHULAN, SEREMBAN



4 NOVEMBER 2023
MAJLIS PERASMIAN HARI ALAM
SEKITAR PERINGKAT
NEGERI SEMBILAN
DI KOMPLEKS BELIA
DAN SUKAN, PAROI



4 NOVEMBER 2023
PROGRAM JRM BISO BONAR
DI CASA LEGENDA
CONVENTION CENTRE, PAROI



20 NOVEMBER 2023
SAMBUTAN HARI PERANCANGAN
BANDAR SEDUNIA (HPBS)
DAN HARI KANAK-KANAK
SEDUNIA (HKS) PERINGKAT NEGERI
SEMBILAN SEMPENA DEKAD BAHASA
KEBANGSAAN TAHUN 2023 DI
PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



21 NOVEMBER 2023
MINGGU INOVASI
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
DI PERPUSTAKAAN NEGERI,
SEREMBAN 2



27 NOVEMBER 2023
MAJLIS RUMAH
TERBUKA DEEPAVALI 2023
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
DI DEWAN MAJLIS
PERBANDARAN NILAI



30 NOVEMBER 2023
KARNIVAL PUSPANITA DAN ADAT
PEPATIH 2023 DI LEMBAGA
MUZIUM NEGERI SEMBILAN, SEREMBAN



2 DISEMBER 2023
PROGRAM SILANG BUDAYA
NEGERI SEMBILAN DENGAN
KABUPATEN 50 KOTA SUMATERA
BARAT INDONESIA



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN

PERPUSTAKAAN DESA



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

- 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
- Email: pac_jempol@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-458 5260



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

- 71600 Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
- Email: pac_jelebu@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-613 6175



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P.DICKSON

- Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Email: pac_pd@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-647 7677



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

- Jalan Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
- Email: pac_rembau@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-685 3302



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K.PILAH

- Jalan Bukit, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- Email: pac_kualapilah@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-481 1461



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

- Jalan Kelab, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
- Email: pac_tampin@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-441 1289



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

- Jalan Tok Sulong, 73400 Gemas, Negeri Sembilan
- Email: pacgemas@gmail.com
- No. Telefon : 07-9482725

Perpustakaan Desa Legong Ulu
Kg. Legong Ulu, 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan.
Email: desa_legongulu@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 013-415 3651

Perpustakaan Desa Titian Akar
Kg. Titian Akar, 71150 Linggi, Negeri Sembilan.
Email: desa_titianakar@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 017-7950502

Perpustakaan Desa Kg. Rendah
Kg. Rendah Rembau, 71300 Rembau Negeri Sembilan.
Email: desa_kgrendah@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 013-605 5781

Perpustakaan Desa Air Hitam
Kg. Baru Felcra Air Hitam, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
Email: perpustakaanedesaaairhitam@gmail.com
No. Telefon: 06-4676099

Perpustakaan Desa Serting Hilir Kompleks
72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
Email: pdsertinghilir@yahoo.com
No. Telefon: 06-4683024

Perpustakaan Desa Felda Palong 7
73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan
Email: pdfeldapalong7@gmail.com
No. Telefon: 06-4646697

Perpustakaan Desa Kg. Talang
Kg. Talang, 71500 Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan.
Email: pdtalang1@gmail.com
No. Telefon: 011-20694430

Perpustakaan Desa Seri Menanti
Dewan Tuanku Ampuan Najihah Negeri Sembilan.
Email: perpustakaanedesaserimenanti@gmail.com
No. Telefon: 06-4970133

Perpustakaan Desa Simpang Pertang
d/a Balai Penghulu, 72300 Simpang Pertang, Jelebu, Negeri Sembilan.
Email: norliza.abuzaid@yahoo.com
No. Telefon: 06-4920073

Perpustakaan Desa Kg. Chennah
Kg. Chennah, 71650 Titi Jelebu, Negeri Sembilan.
Email: pdchennah@gmail.com
No. Telefon: 06-6111058

Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan
73200 Gemencih, Negeri Sembilan.
Email: pdaks.2001@gmail.com
No. Telefon: 06-447 8022

Perpustakaan Desa Felda Jelai 4
Jelai 4, 73480 Gemas, Negeri Sembilan.
Email: pdj4.pact@gmail.com
No. Telefon: 06-434 8973

Perpustakaan Awam Pekan Mantin
Jalan Sekolah 71700 Mantin, Negeri Sembilan.
Email: hayatiismail1964@gmail.com
No. Telefon: 06-757 1315

Perpustakaan Awam Pekan Bahau
72100 Bahau, Negeri Sembilan.
Email: librarybahau@gmail.com
No. Telefon: 06-4542036

Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusuf
12 lot 15709, Tingkat bawah Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
Email: ptp.abdulkadiryusuf.1@gmail.com
No. Telefon: 06-6791722

Perpustakaan Islam Masjid Negeri
Bangunan Masjid Negeri, Jalan Dato' Hamzah, 70000 Seremban.
Email: pinsppans08@gmail.com
No. Telefon: 011- 2323 2868

BUKU TERKINI DI PPANS



Judul : Peluru Patriot :
Masa Mengejar Maut....
No. Panggilan : MF KHA
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 28.00
Penerbit : Tebook Press
Muka surat : 457 ms



Judul : Pemikiran dan Tamadun
No. Panggilan : 909 MZU
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 220.00
Penerbit : Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun
al-Sultan Abdullah, Muzium Pahang
Muka surat : 283 ms



Judul : The Volatge Effect: How to Make
Good Ideas Great and Great
Ideas Scale
No. Panggilan : 300.72 LIS
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 108.00
Penerbit : Penguin Business UK,
Muka surat : 265 MS



Judul : First Rainforest Book
No. Panggilan : JR 578.734 BED
Bahagian : Kanak- Kanak
Harga : RM 69.00
Penerbit : Miles Killey
Muka surat : 48 ms



Judul : Motive like Muhammad:
Teknik Menerapkan Nilai Positif
Dalam diri
No. Panggilan : 158.1088297
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 40.00
Penerbit : PTS Publishing Sdn Bhd
Muka Surat : 442 MS

ULASAN BUKU

Judul : Motive like Muhammad: Teknik Menerapkan Nilai Positif Dalam diri

No. Panggilan : 158.1088297 AIN
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 40.00
Penerbit : PTS Publishing Sdn Bdn
Muka Surat : 442 ms
PENULIS : Ainon Mohd & Ahmad Shukri Yusoff



SINOPSIS:

Nabi Muhammad meninggalkan banyak teknik menerapkan nilai positif yang sangat mudah dipelajari dan dipraktikkan kepada diri kita.

Dengan menggunakan teknik-teknik positif ini, ketua-ketua, guru-guru dan ibu bapa dapat membantu orang-orang bawahan, para pelajar dan anak-anak agar mengubah sikap dan tingkah laku mereka sendiri secara sukarela tanpa dipaksa, diugut, ataupun dikenakan hukuman.

Antara teknik yang mendorong penerapan nilai positif dalam buku ini adalah:

1. Teknik Menyampaikan Ucapan yang Mempunyai Kuasa Pengaruh, Kuasa Motivasi dan Kuasa Inspirasi
2. Cakap Ketua yang Berfikir Positif Lebih Berpengaruh ke Atas Anak Buah dan Orang Bawahannya
3. Contoh-Contoh Ayat Pujian yang Mampu Mencetuskan Motivasi dan Inspirasi kepada Orang Bawahan

GLOSARI ADAT

NEGERI SEMBILAN

KADIM ADAT DAN PUSAKA



Satu daripada dua jenis atau kategori adat berkadim. Dalam kadim jenis ini anak yang dikadimkan boleh mewarisi harta pusaka ibu angkat kadimnya dan juga jawatan pusaka suku ibu angkatnya. Selalunya anak perempuan yang dikadimkan mengikut kategori ini kerana perempuan yang mengambil anak angkat itu tidak mempunyai anak perempuan untuk meneruskan keturunannya. Anak perempuan yang sering dikadimkan adat dan pusaka ialah anak saudara sendiri.

Rujukan : Buku Glosari Adat Negeri Sembilan-Rujukan Lengkap Negeri Beradat



25 Ogos 2023 –Sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti kepada kakitangan bersara, PPANS telah mengadakan Majlis Bakti Dijulang, Jasa Dikenang sempena persaraan kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan iaitu Encik Mohd Azman bin Haji Idris Beliau merupakan Pembantu Pustakawan S26 dan telah berkhidmat selama 36 tahun di PPANS bermula pada 1 Mei 1987. Bertempat di Agora Café, Seremban 2. Penyampaian cenderamata telah disampaikan oleh YBrs. Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Dalam ucapan, beliau turut merakamkan sekalung

penghargaan dan jutaan terima kasih atas khidmat bakti yang dicurahkan oleh kakitangan bersara selama berkhidmat di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Sesungguhnya segala usaha, kudrat dan pengorbanan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung telah membantu dan mencorakkan PPANS di kedudukan pada masa kini.





31 Ogos 2023 – Kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sembilan tidak hanya tertumpu di Padang Majlis Perbandaran Seremban sahaja, bahkan kegembiraan dan kegembiraan meraikan hari bersejarah negara turut melimpah di pelbagai lokasi di seluruh negara. Semangat patriotik dan rasa teruja dapat dilihat pada segenap masyarakat dari pelbagai kaum dan bangsa apabila mereka beramai-ramai hadir memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2023 di peringkat negeri dan komuniti masing-masing, sejak awal pagi lagi. Penyertaan perbarisan daripada pelbagai kontinjen mewakili agensi kerajaan, pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) dalam acara sambutan Hari Kebangsaan bagi menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat, secara tidak langsung menterjemahkan erti perpaduan sebagaimana tema "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan" yang didukung Kerajaan Perpaduan.

Lebih 20,000 pengunjung, ada di antaranya berpakaian batik bertemakan Jalur Gemilang, daripada pelbagai lapisan masyarakat membanjiri pekarangan dataran Majlis Bandaraya Seremban (MPS) seawal pukul 5.30 pagi. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dan Tuanku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud turut berkenan berangkat pada majlis sambutan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sembilan yang memperlihatkan sebanyak 84 kontinjen dengan 5,000 peserta perbarisan menyertai perarakan sambutan.



MALAYSIAN SIGN LANGUAGE CAMP

24 September 2023 – Dalam usaha untuk mengembangkan bahasa isyarat, NESDA (Negeri Sembilan Deaf Association) telah bekerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan mengadakan Malaysian Sign Language Camp. Bahasa isyarat ialah satu kaedah komunikasi yang menggunakan simbol tanpa menggunakan suara atau dikenali sebagai 'non-verbal communication'. Simbol yang digunakan boleh merupakan pergerakan tangan dan anggota badan yang lain, mimik muka, gambar, simbol atau isyarat yang mempunyai makna tertentu dan boleh difahami oleh kedua-dua pihak penutur dan juga penerima. Secara umumnya, bahasa isyarat ialah bahasa yang digunakan oleh orang pekak untuk berkomunikasi secara visual antara satu sama lain. Komunikasi disampaikan dengan menggunakan pergerakan tangan, pergerakan badan dan mimik muka. Individu lawan bicara pula menggunakan deria penglihatan untuk menerima dan memahami maksud isyarat tersebut.. Antara aktiviti sepanjang program Learn the history and culture of the deaf, Introduction to the basics of Malaysian Sign Language, Lecture on Kenali Ubat anda (Know your medicine), Activities and QnA Session.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS TAHUN 1445H/2023M



28 September 2023 - Duli Yang Maha Mulia, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir dan Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, mencemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Maulidur rasul Peringkat Negeri Sembilan Tahun 1445H/2023M di Padang Majlis Bandaraya Seremban. Baginda bertitah dan merasmikan Majlis tersebut. Turut bersama anakanda YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin ibni Tuanku Muhriz. Menurut YAB Dato' Seri Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan

dalam ucapannya Tema Maulidur rasul tahun ini ialah **"PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI"**, dengan mencontohi sunnah Rasulullah SAW membangunkan negara Madinah Munawwar, menyatukan umat pelbagai 10 bangsa dan agama menerusi Sahifah Madinah (Perlembagaan Madinah). Perarakan kali ini disertai oleh 76 kontinjen melibatkan lebih kurang 4500 peserta terdiri dari Agensi kerajaan, Badan Swasta, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta sekolah. Tidak ketinggalan Golongan kurang upaya (OKU) dan masyarakat awam hadir bersama-sama keluarga memeriahkan perarakan Maulidur Rasul pada tahun ini.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) turut sama mengikuti Perarakan Sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sembilan seramai 40 kakitangan yang diketuai oleh Encik Iskandar bin Ismail.



**PERTANDINGAN BOLING ANJURAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN PERBADANAN
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN (KESUKA) SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2023**



19 Oktober 2023 – Pelaksanaan Hari Sukan Negara (HSN) yang diadakan pada 14 Oktober setiap tahun seharusnya disambut baik oleh rakyat dengan semangat kesukanan dan muhibbah yang tinggi. Hari Sukan Negara merupakan satu inisiatif negara yang mana ia adalah satu langkah proaktif di dalam proses transformasi kearah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan' (Sporting Nation). Penerapan amalan budaya hidup cergas dan aktif amat penting bagi masyarakat kita memandangkan peratusan masyarakat Malaysia yang aktif bersukan masih lagi rendah. Justeru itu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan melalui Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKA) telah mengadakan Pertandingan Boling Sempena Hari Sukan Negara 2023 bertempat di Ampang Bowl Seremban Prima, Seremban. Seramai 72 peserta yang terdiri daripada kakitangan PPANS dan PNM telah mengambil bahagian dalam acara tersebut. Turut hadir bersama YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.



**KURSUS KESEDARAN KEBAKARAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN BERSAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SEMBILAN**



24 Oktober 2023 – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan telah mengadakan Kursus Kesedaran Kebakaran teori dan praktikal kepada kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bertempat di Bilik Seminar Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Kursus selama 2 hari yang dikendalikan oleh Encik Mohd Nizam bin Yom, Pegawai Bomba Kanan II dan Encik Muhammed Gadaffi bin Abd Manaf, Pegawai Bomba Kanan II dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan cawangan Seremban 2 bersama pasukan telah memberi taklimat kepada seramai 40 orang kakitangan perpustakaan berkenaan Kursus Kesedaran Kebakaran Teori dan Praktikal.

Kursus berkenaan memberi pendedahan kepada peserta tentang pencegahan dan keselamatan kebakaran di bangunan, bagaimana menggunakan alat pemadam api mudah alih yang sedia ada di bangunan dan kaedah menyelamatkan diri apabila berlaku kebakaran. Latihan simulasi kebakaran turut diadakan pada hari kedua bagi memastikan setiap kaki tangan mampu menempuh situasi marabahaya khususnya apabila berlakunya kebakaran di tempat kerja. Majlis Penutup kursus telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Hajah Jamilah @ binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.



SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) DAN HARI KANAK-KANAK SEDUNIA (HKS) PERINGKAT

NEGERI SEMBILAN SEMPENA DEKAD BAHASA KEBANGSAAN TAHUN 2023



20 November 2023 – Hari Perancangan Bandar Sedunia atau HPBS adalah hari yang di sambut pada 8 November setiap tahun di hampir 30 negara di seluruh dunia. Sambutan HPBS telah mejadi agenda tahunan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa seluruh negara sejak tahun 1998 mengikut tema tertentu selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa. HPBS diraikan bertujuan untuk menghargai sumbangan semua pihak yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan bandar dan desa, khususnya kepada perancangan bandar dan Urban Manager di agensi kerajaan mahupun swasta khususnya di Negeri Sembilan. Di peringkat kebangsaan telah Berjaya dilaksanakan pada 8-9 November 2023 di Putrajaya dengantema "MALAYSIA MADANI KOMUNITI SEJAHTERA".

Di peringkat Negeri Sembilan telah diraikan dengan mengambil kira bersama Sambutan Hari Kanak-kanak sedunia yang telah mengisytiharkan 20 November sebagai Hari Kanak-kanak Sedunia oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan UNESCO sejak tahun 1954. Tema sambutan peringkat Negeri Sembilan pada hari ini adalah Perancangan Persekitaran Mesra Kanak-kanak yang telah diadakan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Sambutan yang di terajui oleh

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan telah mendapat kerjasama daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan (JKM) dan Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Sambutan kali ini juga diadakan bersempena Dekad Bahasa Kebangsaan Tahun 2023. Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan telah berkesempatan merasmikan majlis tersebut. Hadir sama Yang Berhormat Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Yang Berusaha TPr. Haji Hassan bin Yaacob, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN –MALAYSIA), Yang Berusaha Puan Sanisah binti Shafie, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan (PLANMALAYSIA NEGERI SEMBILAN), Yang Berusaha Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Ketua-ketua Jabatan dan Wakil Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.





MINGGU INOVASI

PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

20 NOVEMBER 2023
Pertandingan Busana Kebaya Setengah Tiang : Tradisional & Modifikasi

21 NOVEMBER 2023

- Bicara Inovasi : Minda dan Budaya Digital
- Pertandingan e-Sport FIFA.
- Pertandingan Reka Cipta Kanak-kanak
- Mini Games :
 - Jejak Maklumat
 - Simulator dan Virtual Reality
 - Pameran Interaktif

22 NOVEMBER 2023
Explore Race Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan

23 NOVEMBER 2023
Pertandingan Gubahan Sayur dan Buah : Bakul Sehat



21 NOVEMBER 2023 –Inovasi dan tranformasi adalah antara dua perkara yang tidak dapat dipisahkan agar dapat memacu strategi pelaksanaan bagi mencapai status negara maju berpendapatan –tinggi. Justeru itu, dalam usaha menyemarakkan pembudayaan inovasi dan kreativiti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS) telah mengadakan Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan tahun 2023 bertempat di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Pelbagai aktiviti telah diatur sepanjang program berlangsung antaranya Bicara Inovasi : Minda dan Budaya Digital, Pertandingan E-sport FIFA, Pertandingan Reka Cipta Kanak-kanak, Jejak Maklumat, Simulator dan Virtual Reality dan Pameran Interaktif.

YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang di-Pertua BAKRIYAH Negeri Sembilan turut hadir dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Reka Cipta Kanak-kanak. Hadir sama YBrs. Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Puan Darnawati binti Dahlan, Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Sembilan (KEMAS) serta Puan Khairolin binti Ismail, Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Unit Korporat, Inovasi dan Kualiti.





Buat pertama kalinya PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan menganjurkan Karnival PUSPANITA Dan Adat perpatih 2023 dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Sembilan pada 30 November 2023 bertempat di perkarangan Muzium Negeri, Seremban. Pelbagai acara menarik telah diadakan sepanjang karnival ini berlangsung antaranya Demonstrasi Penganan Cair, Demonstrasi Ikatan Panta Berkucung, Pertandingan Busana Tradisional Negeri Sembilan, Pertandingan Masakan Tradisional, Pemeriksaan Kesihatan, gerai-gerai jualan usahawan dan Bual Bicara Adat Perpatih yang disampaikan oleh YBhg Drs Shamsuddin bin Ahmad, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Karnival ini dianjurkan bersempena dengan sambutan 40 tahun PUSPANITA : Melakar Sejarah, Memperkasa Wanita. Karnival ini telah dirasmikan oleh YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusuf isteri kepada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan juga merangkap Penaung PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Turut hadir bersama Ybhg Datin Suriani binti Yahya, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan, YBrs Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah PPANS merangkap Biro Penerbitan PUSPANITA serta ketua-ketua jabatan Negeri Sembilan.





11 Disember 2023 – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dengan jayanya telah mengadakan Program Team Building Tahun 2023 bertempat di Dewan Kompleks Belia dan Sukan (KBS) Paroi, Seremban. Program yang disusun oleh pihak pengurusan ini merupakan inisiatif untuk mengembalikan produktiviti setiap staf di semua peringkat melalui hubungan yang harmoni. Pengisian program telah dikendalikan oleh Encik Ili Abdullah dari BDIFF Training and Motivation Resources. Begitupun ketahui kepentingan sebenar program team building yang diadakan setiap organisasi untuk semua kakitangan dapat membina rangkaian social dan mengeratkan hubungan yang baik antara staf dan majikan. Semangat berkumpul juga dapat dibentuk dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan perbincangan antara ahli kumpulan serta persaingan yang sihat dan membina keyakinan untuk memberi pandangan atau idea yang kreatif. Majlis penutup program team building telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Hadir sama Yang Berbahagia Tuan Haji Ayop bin Saleh, Pengarah Eksekutif NIOSH, Encik Hamdan bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah PPANS, Puan Berdiana binti Haji Berahim, Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan dan Pembangunan serta Encik Mohd Rizwan bin Mohamad Yusof, Penolong Pengarah Bahagian Teknikal dan ICT. Tidak terkecuali warga kerja Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut bersama-sama dalam majlis tersebut.



Penerapan budaya membaca dalam kalangan masyarakat tanpa mengira faktor usia akan dapat memastikan kemampanan tabiat membaca dan penerusan budaya untuk generasi yang berikutnya. Secara amnya individu yang berpengetahuan ini akan dapat menjadi asas kepada masyarakat selain memanfaatkan ilmu dalam aktiviti harian. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) khususnya giat melakukan pelbagai promosi dan aktiviti galakan membaca.







21 SEPTEMBER 2023

MERASMIKAN MAJLIS PENUTUP PERSIDANGAN PERWAKILAN PVATM NS KALI KE-69 TAHUN 2023 DI SERI NEGERI BALLROOM, HOTEL ROYAL CHULAN, SEREMBAN



23 SEPTEMBER 2023

MENGHADIRI SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA & ANUGERAH PERDANA BELIA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2023 DI KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN PAROI



26 SEPTEMBER 2023

PERSIDANGAN PERTAMA (KHAS) PENGKAL PERTAMA, DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 DI WISMA NEGERI, SEREMBAN



2 OKTOBER 2023

MENGHADIRI PROGRAM MYPRIDE FAIR PERINGKAT ZON TENGAH TAHUN 2023 DI NSK SEREMBAN 2



14 OKTOBER 2023

MENGHADIRI KE MAJLIS PEMBUKAAN RASMI KEJOHANAN OLAMHAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH MALAYSIA (MSSM) KALI KE-63 TAHUN 2023 DI STADIUM TUANKU ABDUL RAHMAN PAROI



21 OKTOBER 2023

MERASMIKAN PUSAT PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI HOSPITAL UCSI, PORT DICKSON



28 OKTOBER 2023

MERASMIKAN UITM ALUMNI FUN RUN DAN PESONA SUARASA (SUKAN DAN REKREASI BERSAMA PELAJAR DAN MASYARAKAT SEREMBAN) DI TAMAN TASIK SEREMBAN.



19 NOVEMBER

ISTIADAT ULANGAN PENGHULU LUAK TANAH MENGANDUNG MENGADAP MENJUJUNG DULI
DI ISTANA BESAR SRI MENANTI, KUALA PILAH



1 DISEMBER 2023

PEMBENTANGAN BELANJAWAN NEGERI SEMBILAN 2024
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, SEREMBAN



12 DISEMBER 2023

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN BEKALAN AIR PUKAL SYARIKAT AIR NEGERI SEMBILAN SDN. BHD.
(SAINS) DAN PENGURUSAN AIR PAHANG BERHAD (PAIP)
DI LEXIS HIBISCUS PORT DICKSON.